

**DUNIA TANPA SEMPADAN - MEMBINA
BENTENG SEPANJANG SUNGAI
PERADABAN**

oleh

**Prof. Madya Dr. Hadijah Rahmat
(Singapura)**

Mengenali Peradaban Melayu

Sebelum tema peradaban ini, isu tamadun telah menjadi perhatian kita. Sekurang-kurangnya ada dua buah persidangan antarabangsa yang telah diadakan di Malaysia pada tahun 1986 dan 1989 untuk membincangkan tamadun rumpun Melayu secara khusus. `Tamadun' yang telah dibincangkan memberikan pengertian yang amat luas, iaitu merangkum bidang falsafah dan pemikiran, Islam dan kebudayaan, kesenian, bahasa dan persuratan, pendidikan, antropologi, sosiologi, arkeologi, sejarah, kerajaan dan politik, sains dan teknologi, pertanian, perubatan, pelayaran, ekonomi, perdagangan dan perundangan.¹ Ringkasnya tamadun mencakup semua bidang kehidupan masyarakat yang bersifat kebendaan, luaran dan dalaman atau kerohanian. Sesudah meneroka perkembangan dan pencapaian masyarakat secara umum dan meluas, mungkin kini lebih wajar pula untuk kita memperhalusi penelitian kita terhadap sesuatu bidang kehidupan secara khusus dalam tamadun masyarakat.

Seminar yang dianjurkan bersempena dengan Sidang Ke-40 MABBIM dan Sidang Ke-6 MASTERA telah memilih tajuk `*Peranan Bahasa dan Sastera Melayu/Indonesia Sebagai Pembina Peradaban Baru*'. Seminar ini bertujuan untuk menilai kemampuan bahasa dan sastera Melayu dalam menghadapi era globalisasi dan mencadangkan strategi pengurusan yang berkesan dan

¹ Lihat Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi, 1989, 1995. *Tamadun Melayu*, Jilid 1-5. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka; dan A. Aziz Deraman, 1992. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur, Arena Ilmu.

pragmatik agar bahasa dan sastera dapat terus berkembang sebagai pembina peradaban baru.²

Konsep Peradaban

Istilah `adab' dikatakan berasal daripada akar kata `a-d-b' yang bermaksud kehalusan, pembawaan dan tingkah laku yang baik, sopan santun, tatasusila, kemanusiaan dan kesusasteraan. Daripada akar kata yang sama, terbit pula istilah `adib' yang bermaksud berbudaya, berperilaku halus atau berpendidikan (M. Dawam Rahajo 1999:337).³ Istilah tamadun dan `peradaban' sering digunakan untuk merujuk hal yang lebih kurang sama. Berbanding dengan `tamadun' yang merujuk kepada pembangunan manusia yang Was dan merangkumi pelbagai bidang kehidupan, konsep `peradaban' lebih menyentuh aspek pembangunan kemanusiaan atau kebudayaan yang bersifat dalaman, khususnya dari segi nilai, falsafah, pemikiran, nilai, emosi, sikap, tindakan, kelakuan atau keperibadian manusia sebagai makhluk dan kelompok sosial yang berakal, berilmu dan berbudaya tinggi.

Peradaban manusia tidak akan lengkap dan sempurna tanpa pembangunan bahasa dan sastera. Sastera ialah jiwa dan nurani masyarakat. Peradaban sesebuah masyarakat yang dibina atas kecanggihan dan budaya teknologi semata-mata adalah suatu pencapaian yang kosong, kaku dan tidak bermakna, jika tiada perisian sastera yang boleh menerapkan ciri-ciri kemanusiaan dan keindahan pada arca dirinya untuk mengukir keseimbangan kehidupan. Semakin deras dan hebat penerokaan manusia di ruang sains dan teknologi, dan kini ruang siber, semakin besar dan genting pula desakan dalaman untuk mencari sebuah titik dan skala keseimbangan insan yang baru. Ini adalah disebabkan oleh manusia sebagai makhluk ciptaan yang istimewa yang

² Lihat risalah elektronik tentang seminar ini yang tersiar dalam lelaman internet DBP (<http://dbp.gov.my/berita/semibahasa.htm>).

³ Lihat Zahir Ahmad, 1998. "Adab Sebagai Satu Pendekatan dalam Pengkajian Kesusasteraan Melayu", dalam *Pengkajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, him. 84.

mempunyai fitrah atau kecenderungan semula jadi untuk mengejar dan meningkatkan kesejahteraan dan kesenian sepanjang hidupnya.

Jalur Sejarah Seni dan Masyarakat

Sejak awal tamadun manusia lagi, sastera sudah dianggap sebagai sebahagian daripada kehidupan masyarakat dan menjadi alat penting untuk berkhidmat bagi memenuhi keperluan sistem kepercayaan, nilai hidup demi kesejahteraan masyarakat. Ini jelas tercermin melalui sejarah tamadun awal di Barat dan Timur.

Peranan sastera dari segi agama telah mempengaruhi perkembangan seni dan tamadun Eropah atau Barat sejak 2000 tahun yang lalu. Sastera Eropah telah mendapat pengaruh daripada tamadun Greek. Sebenarnya kegiatan agama, masyarakat Greeklah yang telah mempengaruhi falsafah seni mereka. Kaum masyarakat Greek memuja tuhan yang bernama Dionysus dan amalan menyembah Dionysus di biara telah mencetuskan seni sastera lisan. Ini berlaku apabila ketua agama dan para pendeta agama mereka bercerita dan berpuisi untuk menyampaikan kisah-kisah suci tentang dewa dan tuhan mereka. Kemudian, upacara ini diteruskan menjadi sayembara deklamasi puisi, sayembara lakonan dan akhir sekali diadakan penulisan skrip. Ternyata sistem kepercayaan atau agama telah menjadi dorongan dan tumpuan kegiatan seni mereka.

Hal yang sama juga berlaku di kalangan masyarakat Mesir dan India purba. Kegiatan seni mereka sebenarnya tercetus daripada kegiatan ritual agama mereka. Seni teater tradisional mereka sebenarnya berasal daripada kegiatan dalam upacara menyambut kematian dewata Osiris yang disembah oleh mereka untuk mendapatkan keselamatan dan kesejahteraan hidup dengan membuat gerakan atau persembahan tarian, nyanyian dan lakonan. Upacara tahunan yang dinamakan "Abydos Passion Play" ini dipimpin oleh seorang tokoh yang berkuasa bernama 'Kahin' yang bertindak sebagai 'shaman' atau pawang yang menjadi perantara antara rakyat dengan alam dan dewata Osiris tersebut.

Bagi masyarakat India yang beragama Hindu pula, seni teater tradisional mereka bermula dengan upacara menyembah bagi menyatakan taat setia mereka kepada dewata dan ini dilakukan dalam tiga tahap: "nartta" atau tarian; "natua", iaitu gerak tari atau aksi bebas yang berlambang; dan "natya" bermaksud gabungan nyanyian dan lakonan. Paduan tiga unsur ini (lakonan, tarian dan nyanyian) berkembang menjadi alat pengembang agama Hindu dan dijelaskan dalam kitab suci Veda. Malahan pada tahap awal, sayembara drama diadakan dan disertai oleh manusia yang dianggap bijak dan berilmu, yang dipercayai telah mendapat ilham daripada dewata, oleh itu mereka mempunyai status dan tempat yang istimewa di kalangan masyarakat.

Begitulah sejarah aliran tiga buah sungai tamadun utama dunia tersebut. Fungsi agama dan moral telah menjadi dasar yang mempengaruhi peranan dan perkembangan sastera sama ada di Barat mahupun di Timur. Plato (428-347 SM), iaitu ahli falsafah Greek yang terkenal, yang berpegang pada fahaman ini telah menegaskan bahawa seni haruslah tertakluk atau diilhamkan oleh moraliti sosial. Maksudnya, dasar moral masyarakatlah yang harus dijadikan landasan dalam berkarya, dan penulis tidak boleh bebas daripada ukuran nilai moral masyarakatnya. Tugas dan tanggungjawab seniman adalah untuk memenuhi tuntutan moral dan sosial masyarakat ini dan bukan untuk mengisi dorongan peribadi dan matlamat seni yang tidak memberikan sebarang manfaat kepada masyarakat.

Berdasarkan fahaman ini maka lahirlah 'teori peniruan alam' (*theory of imitation or formula of mimesis*), yang melihat sesebuah karya atau hasil seni itu hanya sebagai suatu usaha seniman untuk meniru unsur alam. Oleh itu semakin hampir peniruannya semakin baiklah mutu karya tersebut (*Art is the translation of nature, the closer the translation, the better*). Pandangan ini umumnya meletakkan seni sebagai sebahagian daripada masyarakat (*art is part of the world*) yang mempunyai peranan dan fungsi keterlibatan (*involvement*) seni yang khusus dan unggul. Peranan sosial dan tanggungjawab moral seni ini telah melahirkan slogan "*Seni untuk Masyarakat*". Berdasarkan pegangan seni ini maka lahirlah petikan-petikan yang berikut:

"Art is the expression and its mirror and humble servant of society".

(De Ridder & Deonna)

"Penyair adalah penentu hukum kemanusiaan yang tidak diiktirap".

(Shelley Percy Bysshe-1792-1882)

"Kecemerlangan seni boleh menyihatkan jiwa dan boleh menyumbang untuk kebaikan manusia sejagat".

(I. A. Richard -1893 -1979)

"Art is a human activity having its purpose the transmission to others the highest and best feeling to which men have risen".

(Leo Nikolaierich Tolstoy -1828 -1910)

"Seni boleh menggalakkan rasa persaudaraan di kalangan manusia".

(Leo N.Tolstoy -1828 -1910)

Menongkah Arus Tradisi

Pandangan atau gagasan tentang penglibatan seni tersebut, walaupun sudah diterima dalam tamadun Barat untuk jangka masa yang agak lama, telah ditolak oleh segolongan pemikir Barat dari Jerman, seperti Immanuel Kant (1721-1804) dan Georg Wilhelm Friedrich Hegel (1770 - 1831); dan ahli falsafah dan pengkritik Itali, Croce Benedetto (1866 -1952), kerana mereka menekankan peri pentingnya kemerdekaan (*independence*) seni daripada masyarakat. Perintis pemikiran ini ialah Kant yang menekankan kebebasan dan kuasa penuh (*autonomy*) keindahan (*the beautiful*) dan unsur `kemurnian' (*purity*) sebagai lebih utama daripada unsur penglibatan seni.

Hegel pula berpendapat bahawa keindahan seni sebagai keindahan yang dilahirkan semula hasil usaha pemikiran manusia. Menurut beliau, oleh sebab minda manusia dan hasil usaha minda adalah lebih tinggi daripada alam semula jadi dan keterampilannya, maka keindahan seni itu dianggap lebih bernilai tinggi berbanding dengan keindahan alam semula jadi. Sementara itu, Croce pula

menganggap bahawa seni adalah pengucapan dasar untuk roh (*primary expression of the spirit*). Tiada sesuatu yang tidak berkaitan dengan seni, semuanya bergantung pada seni. Tanpa seni segala-galanya akan kosong, tetapi seni dapat berdiri sendiri. Ciri kemerdekaan seni adalah kerana sifat berdikarinya (*self-dependence*).

Jelas di sini yang ketiga-tiga orang tokoh tersebut beranggapan bahawa seni mempunyai dunianya yang tersendiri, yang bebas dan tidak tertakluk pada masyarakat atau dunia biasa, termasuklah bebas daripada memikul tanggungjawab moral dan sosial yang amat ditekankan oleh golongan pertama tadi. Daripada fahaman ini maka tercetuslah pandangan '*Seni untuk Seni*' (*Art for Art's Sake*), yang menekankan kebebasan penulis dalam berkarya dan peri pentingnya nilai estetika sebagai pencapaian seni yang lebih tinggi dan cemerlang berbanding dengan tugas moral seniman untuk membentuk dan mencapai kebaikan untuk masyarakat.

Titik Pertemuan Seni

Kedua-dua pandangan yang bertentangan itu telah dikupas oleh Boyce Gibson. Gibson tidak melihat sebarang konflik pada dua pandangan tersebut, malah beliau berpandangan yang kedua-duanya saling membantu dan boleh dipadukan. Menurut Gibson, seni dapat menyumbang hanya dengan bertindak sebagai seni itu sendiri (*by being itself*) dan seni tidak boleh wujud untuk tujuan renungan (*contemplation*) sahaja. Menurut Gibson lagi, matlamat moral atau sosial dan kecemerlangan seni hanya dapat dicapai jika karya itu disampaikan dengan keindahan seninya. Lantas, beliau menegaskan gabungan kedua-dua unsur kebaikan dan keindahan. Mungkin paduan yang dimaksudkan oleh Gibson ini dapat dijelaskan melalui pandangan penyair Inggeris, Phillip Sidney (1554 - 1586) seperti yang di bawah ini, yang sekali gus mengiktiraf fungsi kebaikan dan keindahan dalam karya sastera:

"Poetry gives at once delight and instruction and is an adornment of social life and an honour to the nation".

Namun begitu, di kalangan seniman Barat yang sudah pun menerima kedua-dua fungsi sosial dan keindahan seni, mereka berpendapat bahawa cara untuk mencapai matlamat sosial masih subjektif dan berbeza. Pada umumnya tradisi seni Barat meletakkan nilai `keaslian' (*originality*) dan `individualiti' atau `pengucapan untuk kepuasan diri' (*expression for self fulfillment*) dalam penciptaan di tempat yang tinggi atau utama. Oleh itu adalah menjadi suatu tugas dan cabaran bagi setiap seniman untuk mengubah tradisi dan kebiasaan (*convention*) masyarakatnya. Seniman yang dianggap moden ialah penulis yang menentang atau tidak dibataskan penghasilannya oleh bentuk dan pengucapan yang rasmi dan telah diterima umum. Hanya dengan merombak tradisi, dan menghasilkan suatu pembaharuan yang ash sahaja, barulah mereka merasakan usaha tersebut dapat memajukan hidup dan menyumbang kepada masyarakat. Konsep pembaharuan (*modernity*) sastera ini mungkin agak berbeza dengan konsep yang dipegang oleh kebanyakan seniman Timur atau Melayu sendiri yang seberapa boleh mereka cuba mencari titik keseimbangan di antara diri dan tradisi. (Hadijah Rahmat 1996: 105-133).

Islam dan Keunggulan Seni

Sastera mempunyai peranan yang penting dalam pembinaan peradaban manusia dan ini sudah ditekankan atau diiktiraf oleh agama Islam sendiri. Menurut Shafie Abu Bakar, konsep dan fungsi sastera dan bahasa dalam Islam dikenali sebagai `Adabiyah', iaitu untuk memupuk adab budi, berpengetahuan dan berpendidikan secara berakhlak (Shafie Abu Bakar 1984:169).

Kedua-dua unsur dan nilai `kebaikan' dan `keindahan' juga telah ditekankan oleh Islam dan ini tercermin melalui Hadis yang berikut:

"Sesungguhnya Allah itu Maha Indah. Dia suka kepada Keindahan.

Sesungguhnya Allah Maha Baik. Dia suka kepada Kebaikan".

(Sidi Gazalba 1977:84)

Sesudah menerima pengaruh Islam, sastera Melayu tradisional telah memberi sumbangan yang bernilai untuk mencapai dua unsur dan matlamat sastera tersebut dan ini telah dijelaskan oleh Braginsky seperti yang berikut:

"Para pencipta kesusasteraan Melayu berusaha melahirkan karangan yang akan menjadi `penghibur hari' atau memberi akal yang sempurna, atau `membuka dada orang arifin dengan kunci. Wujud-Nya dan menghiasi kalbu arifin itu dengan rahsia-Nya'. Mereka berdoa dan memohon kepada Allah Taala yang menyatakan Kudrat-Nya dan rahmat kreatif-Nya melalui Nur Muhammad agar usaha mereka itu direstui-Nya. Dengan permohonan dan doa itu para pengarang berhasil mencapai peringkat tertentu dalam hierarki dunia rohani dan oleh sebab itulah hasil ciptaan mereka dianggap mampu mempengaruhi peringkat yang setaraf dalam struktur rohani manusia". (Braginsky 1995:1703).

Fungsi dan nilai kerohanian sastera sebenarnya agak berperingkat-peringkat atau kompleks mengikut sejauh mana kesan atau pengaruh sastera terhadap struktur dan tahap pencapaian jasmani, hati, akal dan rohani manusia. Ini telah dihuraikan lagi oleh Braginsky:

"Si pengarang mencapai peringkat yang paling rendah kalau dia menghasilkan sebuah karya yang indah dan dengan itu mampu memulihkan keharmonian perasaan pembaca atau dalam nafsu haiwannya. Kemajuan ke peringkat yang lebih tinggi melahirkan karangan yang mampu menguatkan dan menyempurnakan akal. Yang paling tinggi menjelma adalah bentuk karangan yang menyempurnakan pengetahuan manusia tentang Khalik dan agamanya dan menyiapkan hati nurani untuk menerima ilham Ilahi". (Braginsky 1995:1702).

Di sini jelas terlihat bagaimana sastra dapat membina manusia yang `beradab', iaitu melalui proses pendakian hierarki rohani manusia merentasi fakulti rasa dan naluri lahiriah, hati, akal dan rohaninya, iaitu dari tahap mengisi nafsu haiwan, meningkat menuju "kesempurnaan hati yang berimbang dan terang serta kesempurnaan akal yang tajam, dan kesempurnaan hati nurani yang terang". (Braginsky 1995:1702).

Demikianlah peranan unggul yang boleh dimainkan oleh sastra untuk mencapai tahap kesempurnaan diri sebagai seorang manusia menurut perspektif Islam. Kini persoalan yang lebih pragmatis dan mendesak adalah untuk mencapai tahap keseimbangan insan dan bukan kesempurnaan insan biarpun nilai keunggulan itu masih amat berguna sebagai panduan. Apakah adunan yang baik atau bagaimanakah tahap keseimbangan insan boleh dicapai? Bagaimanakah golongan sasterawan Melayu/Indonesia baru dapat memberikan sumbangan dalam pembangunan kemanusiaan masyarakatnya dengan sebaik-baiknya, terutamanya untuk memenuhi tuntutan peradaban baru?

Sastra Melayu/Indonesia Moden

Sebenarnya, para sasterawan Melayu/Indonesia moden telah pun mengakui peranan penting sastra dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Pada umumnya mereka menganggap sastra sebagai alat penting dalam pembinaan moral dan jiwa masyarakat:

"Puisi adalah suara batin manusia yang cukup dalam merenung peristiwa/perubahan yang berlaku dalam kehidupan manusia terutama yang bersangkutan-paut dengan perkembangan rohaninya: Puisi menolong kita supaya tidak membiarkan diri kita terus-menerus dikondisikan oleh keadaan". (Masuri SN, 1988).

"Pada saat inilah penyair dituntut keberaniannya, dituntut fikiran kritisnya, dituntut keprihatinan hati nuraninya untuk tampil ke depan bagi menjadi suara bangsa dan masyarakatnya". (Baha Zain,1991).

"Semangat kebangsaan dan semangat keagamaan baru tidak memadai tanpa memperoleh ekspresi di dalam kesusasteraan dan kesenian. Kesusasteraan bagi orang seperti Tagore adalah bentuk nyata daripada perjuangan seseorang atau suatu masyarakat untuk mengekspresi dan merealisasikan dirinya, untuk menyatakan keberadaan dirinya, yang demikian mengangkat martabatnya sebagai manusia". (Abdul Hadi W.M., 1991).

Gerakan bahasa dan sastera Melayu/Indonesia moden sejauh ini sudah memperlihatkan daya kesedaran para bahasawan atau sasterawan kita untuk memajukan dan mengangkat martabat bangsa atau peradabannya melalui saluran bahasa dan sastera pada tahun 1930-an, misalnya Pujangga Baru di bawah pimpinan takdir Alisjahbana telah melahirkan semangat baru untuk memajukan masyarakat Indonesia bersandarkan konsep seninya: "*Seni itulah penggerak semangat baru, pembantu bangsa salam perjalanan ke arah kebesaran dan kemuliaan*".

Selepas Perang Dunia Kedua, lahir pula Angkatan 45 dengan Chairil Anwar sebagai tokoh penggerak utamanya, yang bukan sahaja telah meneruskan cita-cita kemajuan yang diasaskan oleh Angkatan Takdir, malah golongan ini memancarkan semangat untuk merombak budaya yang diwarisi dan ukuran nilai masyarakat mereka demi mewujudkan 'penghidupan kebudayaan barn yang sihat'. Kebudayaan Indonesia baru yang diharapkan oleh mereka adalah hasil "kumpulan campur-baur dari mana dunia-dunia baru" atau "kesatuan berbagai rangsang suara yang disebabkan suara-suara yang dilontarkan dari sudut dunia dan kemudian kembali dalam bentuk suara sendiri". Kelantangan suara generasi selepas perang ini terakam dalam 'Surat Kepercayaan Gelanggang, *Majalah SIASAT*, 22.10.1950).

Sejak awal lagi masyarakat Melayu telah meletakkan peranan moral dan sosial penulis di tempat utama dan ini mempengaruhi arah dan corak perkembangan sastera Melayu sejak dulu lagi. Pernah terdapat suatu percubaan dalam tahun 50-an untuk mempersoalkan fungsi sosial sastera ini

dengan menekankan nilai estetika dalam sastera. Ini jelas melalui polemik antara Asraf dan Hamzah Hussein yang membahaskan konsep sastera yang mereka anggap sesuai untuk masyarakat. Percubaan tersebut bukan sahaja kurang berkesan, malah memperlihatkan bahawa penulis tersebut kurang memahami secara mendalam tentang konsep 'Seni untuk Seni', malah ada yang berpandangan yang Hamzah "gagal berhujah untuk membuktikan betapa pentingnya penguasaan unsur-unsur teknik dalam penulisan karya sastera" (Rahman Shaari, 1988:3-4).

Namun begitu, perbincangan tersebut dianggap oleh sesetengah sarjana sebagai suatu kemajuan kerana dipercayai bahawa inilah pertama kali dalam sejarah sastera Melayu perbincangan mengenai fungsi sastera telah mencapai tahap konsep. Di samping perbincangan tersebut, penekanan pada aspek estetika ini juga tercermin melalui pendekatan kritikan sastera yang digunakan oleh para pengkritik sastera, iaitu pendekatan estetika dan formalisme. Walaupun muncul pendekatan-pendekatan dalam kritikan sastera Melayu yang menekankan nilai keindahan dalam karya, semuanya tidak menggugat peranan moral dan sosial sastera. Secara umum, penulis dan sastera Melayu mendukung cita-cita dan peranan sosial sastera. Ternyata keterlibatan sosial ini menjadi kekuatan sastera Melayu, tetapi pada masa yang sama kekuatan sastera Melayu ini telah menjadi kelemahannya, iaitu apabila nilai estetika telah diabaikan:

"... there was no consciousness of literature as a form of creative art. Literature was regarded more as a medium-an alternative medium- for expressing the writers ideas about things closely related to his life and his society".⁴ Jelaslah bahawa nilai keindahan sastera kurang diberi perhatian berbanding dengan nilai sosialnya sebagai alat untuk memajukan masyarakat.

⁴ Lihat Mohd. Taib Osman, "Trends in Modern Malay Literature" dalam Wang Gungwu (ed.), 1964. *Malaysia: A Survey*. Singapore: Donald Moore Books Ltd., hlm. 218 -219, dalam Safian Hussain, et al., 1981. *Sejarah Kesusasteraan Melayu* Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 28. 5

Sesudah Perang Dunia, semangat nasionalisme bangkit di jiwa anak-anak Nusantara. Api semangat untuk maju di Indonesia terasa bahangnya di Singapura sehingga mempengaruhi kelahiran ASAS 50. ASAS 50 meneruskan semangat sosial yang utuh terukir dalam tradisi sastera tradisional, untuk menghapuskan ciri-ciri dalaman yang menghambat kemajuan, keadilan dan kesejahteraan masyarakat Melayu pada tahun 50-an. Objektif ASAS 50 adalah untuk membebaskan fikiran orang Melayu daripada kepercayaan lama, belunggu yang mengongkong kebebasan fikiran dan jiwa daripada pengaruh feodal, ajaran kolot dan tahayul. ASAS 50 telah meninggalkan bekas dalam perjalanan sastera moden, terutamanya mutiara kata perjuangan mereka 'Sastera untuk Masyarakat'.⁵

Namun begitu, sesudah Singapura merdeka, semasa Perkampungan Sastera 1973, ASAS 50 telah pun menukar slogan 'Seni untuk Masyarakat' yang telah mempopularkannya kepada moto perjuangan yang baru, untuk merakamkan harapan dan cita-cita perjuangan mereka yang baru, menjadi 'Sastera Bina Manusia' (*Literature develops humanity*).⁶ Ini mungkin diambil sesudah ASAS 50 'mengemas diri sendiri' (Suratman Markasan, 1984:111). Perubahan tumpuan ASAS 50 dari berpusat pada matlamat 'masyarakat' kepada pembinaan 'manusia' secara umum, kerana moto lama dirasakan "tidak sesuai tidak relevan dengan agama kita" (Suratman, 2001:183). Perubahan ini menunjukkan keyakinan ASAS 50 terhadap peranan sastera dalam pembinaan manusia dan juga sekali gus mencerminkan kesedaran atau cita-cita sastera Melayu yang lebih sejagat. Ternyata perubahan moto ini merupakan suatu perkembangan yang menarik untuk direnungkan, tetapi sehingga kini moto ini belum dibahaskan dengan meluas dan berkesan.

⁵ Lihat Teeuw, A., 1970. *Sastera Baru Indonesia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. Telah dibincangkan oleh Hadijah Rahmat, dalam kertas kerja "Mengukir Air di Pesisir", Dialog Selatan 3, 12 Oktober 2000.

⁶ Lihat MAS, "Suratman Markasan yang Saya Kenal" dalam 70 *Tahun Suratman Markasan*. Singapura: Toko Buku Haji Hashim, hlm. 239.

Aliran Sungai Peradaban Baru

Banyak yang sudah dikemukakan tentang kehidupan baru yang sedang berlaku akibat unsur globalisasi dan perubahan teknologi. Antara ciri-ciri kehidupan baru yang agak ketara ialah Teknologi Maklumat (IT), yang seterusnya telah memecahkan sempadan fizikal dan politik yang mengasingkan manusia dan menyatukan mereka dalam ruang siber atau maya; dan seterusnya perkembangan ekonomi baru dan ilmu sains, khususnya sains hayat yang dipercayai akan memberi peluang lebih besar pada manusia untuk menentukan dan mengubah kewujudannya dan hidupan yang lain melalui penerokaan dan aplikasi dalam sains hayat.

Ciri-ciri tersebut sedang menukar nilai dan cara hidup aJ tamadun baru mula membentuk. Cara kita berkomunikasi, berinteraksi, bekerja, berniaga, berehat dan beriadah, kini mengalami perubahan pesat akibat revolusi teknologi maklumat. Batasan atau sempadan geografi, fizikal dan politik sedang mengalami hakisan dan penyusunan atau pemetaan semula. Dalam konteks hari ini, manusia daripada merata dunia bertemu atau dipertemukan dalam ruang halaman dan arena yang baru dalam suasana penuh warna dan rentak yang pantas. Hidup kita kini lebih terbuka dan dibanjiri oleh kedatangan unsur-unsur daripada pelbagai arah dan seterusnya mencetuskan pertembungan dan pergeseran nilai dalam hidup kita. Ini juga memaksa kita untuk menilai semula kesesuaian dan keberkesanan sistem nilai yang kita pegang selama ini, termasuklah konsep kehalusan budi pekerti, konsep kebaikan, konsep kesejahteraan dan konsep keindahan.

Dalam sungai peradaban baru, pelbagai arus pemikiran baru daripada bermacam-macam air terjun, jeram, dan anak-anak sungai, yang dahulunya dianggap hanya aliran penongkah yang kecil dan terpinggir, kini telah bercantum dan bergabung tenaga membentuk sebuah pusaran arus yang besar dan amat deras untuk ditentang oleh arus utama yang murni. Mampukah arus murni menangkis kederasan arus penongkah ini? Marilah kita renungi arus murni yang kita renangi dan membina jati diri kita selama ini.

Menilai Semula Konsep Budi Melayu

Manusia akan sentiasa inginkan kebaikan dan keindahan. Cuma tafsiran, bentuk `kebaikan' dan `keindahan' kini sedang mengalami interpretasi dan penilaian semula. Kita berdepan dengan pelbagai jawapan dan pilihan yang muncul di halaman rumah, mengetuk pintu minda dan jendela rasa kita serta merenung bumbung budaya kita. Apakah rumah budaya kita masih gagah untuk terus melindungi kita?

Peradaban Melayu selama ini telah mewariskan kita dengan sebuah konsep `budi' dan `manusia budiman'. Menurut falsafah budaya Melayu, manusia yang unggul yang diidamkan oleh masyarakat ialah orang yang BERBUDI atau yang dianggap manusia BUDIMAN. Menurut Zainal Kling (1995) manusia Melayu melihat rupa dan paras jiwa berbentuk budi, iaitu satu peribadi yang mengandungi akal dan rasa. Budi adalah alam jiwa dan daya adalah gerak laku fizikal. Peribadi Melayu berwajah budi mengandungi persoalan akal dan rasa. Budi dianggap sebagai struktur dalaman Melayu atau struktur batiniyah yang terpancar daripada satu Hikmah yang tertinggi (Tuhan).

"Budi mempunyai rumpunnya atau gugusan yang bersiratan, iaitu akal-budi, budi-bicara, budi-bahasa, budi-pekerja. Gugusan budi atau rumpun budi (budi complex) dapat dibahagikan kepada dua yang bersiratan antara satu sama lain, ibarat kulit dengan isi, luar-dalam, lahir-batin, jasmani-rohani. Kulit, luar, lahir, jasmani merupakan struktur luaran (surface structure) atau permukaan, fizikal, material, fiil, meliputi persoalan budi-pekerja dan budibahasa. Isi, dalam, batin, rohani merupakan struktur dalaman (deep structure) meliputi akal-budi, hati-budi dan budi-bicara....

Gugus budi tersebut dimanifestasikan di dalam gugusan sosiobudaya dan spiritual yang meliputi: berbudi kepada Tuhan (Allah); berbudi kepada bangsa dan tanah air; berbudi kepada tanah (alam); berbudi kepada masyarakat dan budaya, berbudi kepada keluarga, dan berbudi kepada diri sendiri ...

Penerapan nilai budiman bertujuan untuk melahirkan manusia Melayu yang halus, berhati mulia, berakal, bijaksana, beradat, beradab, tahu membalas budi, cukup ajar dan sebagainya. Budi dan budiman ialah teras humanisme, moraliti dan etika Melayu, yang berpaksikan ketuhanan (ketauhidan) yang mampu meletakkan manusia ke darjat, harkat dan martabat tertinggi ... Manusia Melayu yang memiliki nilai dan berorientasikan budi disebut sebagai manusia budiman yang melambangkan *a total personality, a perfect gentleman*. Dari konsep manusia budiman inilah lahir masyarakat budiman. Konsep budi dan budiman inilah teras kemanusiaan Melayu yang bukan *self-centred, man-centred*, tetapi juga berpaksikan ketuhanan (*God-centred*). (Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan, 1996:29 - 31)⁷

Betapa murni dan indahnya konsep budi Melayu ini yang melukiskan manusia unggul Melayu, iaitu 'manusia budiman' yang memantulkan cita-cita budaya yang diukir hasil evolusi tamadun Melayu yang panjang. Adakah konsep ini masih relevan dan dapat dipertahankan? Adakah konsep-konsep hidup Melayu tersebut berserta nilai-nilai yang berkaitan dengannya seperti nilai kesetiaan, budi bahasa, sopan santun, merendah diri, kejujuran, keikhlasan, gotong-royong, dan berbakti pada tanah air dapat dipertahankan dalam konteks hari ini? Apakah bentuk, cara dan saluran yang terbaik untuk memelihara keunggulan Melayu itu? Yang penting, adakah konsep ini akan membantu masyarakat Melayu membina peradaban baru yang gagah dan gemilang? Sesungguhnya ini adalah rempah-ratus yang boleh dijadikan bahan renungan dan olahan pena kreatif penulis sastera Melayu/Indonesia.

Sikap dan Strategi Sasterawan

Selain penilaian semula unsur dalaman yang diwarisi, sasterawan perlu juga memberikan perhatian pada gejala unsur-unsur luar yang mencabar nilai yang

⁷ Konsep budi dan peranan sastera dalam pengajaran sivik, moral dan pendidikan kebangsaan di Singapura telah dibincangkan oleh penulis sebelum ini. Lihat Hadijah Rahmat, 1998. "Mutiaranya pada Telinga Budi, Permata pada Cincin Hati" dalam jurnal pembinaan bahasa dan persuratan *SEKATA*, Majlis Bahasa Melayu Singapura, Jilid 11, hlm. 41-60.

dijunjung oleh masyarakat dan kemanusiaan sejagat dan menawarkan cara hidup pilihan (*alternative way of life*) baru yang *mungkin* bertentangan dengan nilai murni sesebuah agama, budaya masyarakat dan negara. Misalnya, unsur kebebasan seks, dan unsur homoseksual atau hubungan cinta sejenis; yang agak berleluasa hari ini sehingga mengancam nilai dan institusi keluarga yang telah dibina oleh tamadun manusia masih dimuliakan oleh masyarakat: Selain itu, tindakan bebas yang melulu untuk mengkritik dan berkreaitif atas nama seni, mungkin juga menjejaskan hubungan dan keharmonian hidup masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya. Pada masa yang sama pihak penguasaan ilmu, teknologi dan ekonomi mungkin lebih mudah untuk mempengaruhi dan menguasai golongan masyarakat atau negara yang lemah.

Malah, dikhuatiri pengaruh dan identiti sesebuah negara akan terancam atau pupus akibat lahirnya gejala dunia tanpa sempadan ini. Ini disebabkan oleh fenomena baru ini telah mencetuskan seruan untuk konsep baru 'warganegara dunia' (*citizen of the world*) dan bukan warganegara sesebuah negara. Kecenderungan ini dijangkakan akan menimbulkan masalah di kalangan negara-negara yang lemah yang terperangkap dalam bentuk penjajahan baru. Inilah yang mungkin dibimbangkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir apabila beliau mengatakan bahawa "*This concept of a world without borders means that countries like Malaysia will no longer exist*". (Lihat *Straits Times*, Februari 20, 2001).

Bagaimanakah sikap dan pendekatan penulis atau sasterawan terhadap unsur-unsur negatif yang mengancam proses peradaban diri dan masyarakat manusia ini? Adakah mereka hanya bersifat tidak terlibat, terasing atau paling-paling menyentuh sekadar deskriptif dalam karyanya dan memberikan perhatian pada pemburuan estetika atau keindahan semata-mata? Atau, wajarkah sasterawan bersifat membela atau menyerang, iaitu bertindak sebagai 'pemilik adab dengan menyerang dan menghukum 'anasir' yang dianggap lemah dan negatif? Atau, sejauh manakah pengarang boleh bertindak objektif, proaktif, berwawasan untuk mempengaruhi dan mempertingkatkan konsep dan nilai kebaikan dan keindahan itu sendiri?

Globalisasi juga sedang mengubah corak khlayak sastera kita menjadi lebih rencam dan kompleks. Latar khlayak sastera tidak lagi seragam dan para sasterawan tidak boleh membuat tanggapan dan andaian yang sistem nilai peribadinya sama dan mudah diterima oleh semua khlayak. Oleh itu untuk membolehkan karya-karyanya diterima dan dihargai oleh khlayak generasi baru dan masyarakat antarabangsa, dia haruslah mempunyai pemikiran yang terbuka, matang dan tidak bersikap prejudis dan *parochial* yang sempit. Malah, sasterawan perlu juga menunjukkan sikap menghormati terhadap sesuatu pendirian dan cara hidup yang berbeza. Bagaimanakah kita boleh tonjolkan imej yang positif dan dihormati dunia? Ternyata ini adalah tugas yang berat untuk dipikul dengan penuh kesedaran dan bertanggungjawab oleh semua yang terlibat dan mendapat amanah sosial, termasuklah golongan pemikir, pemimpin dan pengguna budaya itu sendiri dan bukan hanya golongan penulis. Yang jelas, kita mesti mencari pendekatan dan strategi yang bijak dan pragmatis, tetapi jenis pendekatan dan strategi yang boleh diambil pada setiap masyarakat dan negara mungkin berbeza mengikut situasi dan konteks sosial dan politik tertentu.

Garis Tengah Sempadan - Sebuah Pengalaman Seni Singapura

Pada masa lalu, Singapura mempunyai tempat dan kedudukan yang penting dari segi perkembangan sastera Melayu di rantau ini semenjak zaman kegemilangan sastera Melayu klasik lagi.⁸ Singapura juga telah muncul sebagai pusat penerbitan Islam dan percetakan Asia Tenggara pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 (1860 -1920),⁹ serta berfungsi sebagai pusat intelektual, pendidikan dan kebudayaan Melayu serantau. Singapura mempunyai cita-cita nasional yang tinggi dari segi kesusasteraan dan kesenian. Sesudah memberikan perhatian utama pada pembangunan ekonomi, kini usaha gigih ditumpukan pada pembinaan seni juga. Untuk mencapai matlamat pembangunan seni ini, sebuah Perbadanan (Statutory Board) di bawah

⁸ Lihat Hadijah Rahmat, 2001, "Patah Tumbuh Hilang Belum Berganti [Singapura sebagai Kota Kebangkitan Seni]", akan terbit.

⁹ Lihat Proudfoot, 1993:27.

Kementerian Kesenian dan Maklumat (MITA), Singapura telah ditubuhkan pada bulan September 1991, iaitu Majlis Seni Kebangsaan (NAC).

Majlis Seni mempunyai matlamat untuk membantu memupuk dan membangunkan kesenian di Singapura sehingga menjadi sebuah kota seni global yang rancak bertenaga (vibrant).¹⁰ Sebagai badan induk utama, NAC telah mengadakan pelbagai kegiatan seni, termasuklah bidang bahasa dan sastera Melayu yang memang menjadi dukungan sebuah lagi perbadanan dalam Kementerian yang sama, iaitu Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS). MBMS telah menjalankan pelbagai kegiatan untuk memelihara dan meningkatkan penggunaan dan mutu bahasa dan sastera Melayu di Singapura sejak penubuhannya pada tahun 1992.¹¹ Antara kegiatan utamanya ialah menganjurkan secara tetap Bulan Bahasa Melayu dan Anugerah Persuratan, Anumerta Persuratan dan Hadiah Sastera, Jurnal *Sekata* dan laman internet *Bahasawan*¹² Sejauh ini, Majlis Bahasa Melayu Singapura merupakan badan induk bahasa dan sastera yang bergerak dengan mendapat dukungan dan sokongan daripada badan-badan Melayu yang lain seperti ASAS 50, Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu (PGBM), Yayasan Mendaki, Majlis Pusat, Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS), Majlis Agama Islam Singapura (MUIS), 4PM, Sriwana, Teater Kami dan Teater Ikamatra; dan institusi pendidikan

¹⁰ Lihat *NAC Annual Report 1997/198, Reviews*, hlm. 9; laman internetnya, <http://www.nac.gov.sg>.

¹¹ MBMS sebenarnya bermula sebagai sebuah Jawatankuasa Ejaan Rumi Melayu yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kebudayaan Singapura pada tahun 1981 untuk memantau dan memastikan Ejaan Baku digunakan dengan betul di Singapura. Tugas awal Jawatankuasa ini telah meluas kepada masalah bahasa yang lain, maka ia telah dipinda menjadi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura (JBMS) pada tahun 1983. Dalam tahun 1992, ia ditingkatkan terus menjadi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), di bawah Kementerian Maklumat dan Kesenian yang baru dibentuk menggantikan Kementerian Kebudayaan.

¹² Bulan Bahasa Melayu mulanya dianjurkan oleh Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Melayu Singapura dan yang terakhir oleh MP ialah pada tahun 1982. Pada tahun 1988 ia diadakan semula oleh JBMS/MBMS hampir setiap dua tahun sekali (1988, 1990, 1992, 1993, 1994, 1996, 1998, 2000). Anugerah Persuratan telah diadakan pada tahun 1993, 1995, 1997, 1999 dan akan diadakan tahun ini, 2001. Untuk mengetahui sejarah dan kegiatan MBMS, rujuk buku cenderamata *Bulan Bahasa 1998, Bahasa Cemerlang, Bangsa Gemilang*, khususnya rencana Mhd. Arif Ahmad, "*Lake ko mae Mu nak guano-Mana hang nak pii-QUA VADIS...BM Alaf 21*", him. 30- 34.

seperti Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang, Universiti Nasional Singapura dan Kementerian Pendidikan Singapura (MOE); Lembaga Perpustakaan Negara Singapura, Balai-balai Rakyat atau MESRA serta media masyarakat seperti akhbar *Berita Harian* atau *Berita Minggu*, Perbadanan Radio dan juga TV Singapura dan kini pula melalui saluran internet.¹³

Apa yang jelas ialah kegiatan seni dalam bahasa Melayu dan bahasa-bahasa rasmi yang lain di Singapura sepanjang lebih kurang 10 tahun lalu amat rancak dan menggalakkan.¹⁴ Muncul pelbagai kumpulan seni dan amat sering pula diadakan persembahan seni oleh kumpulan seni tempatan dan luar negara bagi mengisi dan menyemarakkan kota ini. Kemercupan kegiatan seni ini memang dialu-alukan kerana daya kreativiti dan tahap pencapaian seni mahu ditingkatkan dengan menggalakkan para seniman melakukan pelbagai percubaan dan penerokaan dalam proses penghasilan karya mereka. Singapura juga mahu mendedahkan mereka dengan pelbagai corak seni antarabangsa yang pelbagai ragam dan seterusnya memperkaya pengetahuan dan pengalaman seni serta meningkatkan pencapaian seni mereka pada peringkat dalam dan luar negara. Keterbukaan dan penggalakan seni ini pada masa yang sama menimbulkan beberapa persoalan baru yang perlu ditangani dengan teliti.

Menggugur 'Talaq' Demi Keharmonian

Dunia seni di Singapura agak berkocak pada penghujung tahun lalu (2000) kerana masalah yang ditimbulkan oleh drama 'Talaq' yang tidak mendapat

¹³ Untuk mengetahui peranan dan kegiatan bahasa di Singapura, lihat Mohd. Raman Daud, "Peranan Bahasa Kebangsaan" dalam buku *Cenderamata Bulan Bahasa* 96, him. 14 - 23.

¹⁴ Untuk mengetahui perkembangan sastera Singapura sejak 1965, lihat Hadijah Rahmat, 1998. *Sastera dan Manusia Melayu Baru*. Singapura:

keizinan atau permit untuk dipentaskan.¹⁵ Keadaan ditegangkan lagi oleh tindakan Kumpulan Teater Agni Koothu yang sudah membuat persiapan dan menjual tiket, dan enggan beredar daripada panggung Pusat Drama walaupun sudah diberi amaran oleh pihak NAC dan pegawai polis. Akhirnya presiden kumpulan teater ini, S.Thenmoli, iaitu isteri kepada penulis drama itu sendiri telah di bawa ke balai polis sebelum dibenarkan pulang. Kekecohan ini mendapat perhatian masyarakat umum dengan begitu hebat sehingga drama ini dibincangkan dalam sidang Parlimen.

Drama ini asalnya ditulis dalam bahasa Tamil pada tahun 1998 oleh Elangovan, iaitu seorang penulis dwibahasa (Tamil-Inggeris) yang tidak asing di Singapura, dan pernah dipentaskan untuk khalayak berbahasa Tamil."¹⁶ Pementasan dalam bahasa Tamil sudah pun mendapat kritikan daripada segolongan masyarakat India yang beragama Islam di Singapura. Pada tahun lalu, drama tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, dan versi-versi baru tersebut akan dipentaskan serentak dalam sebuah pementasan.

Drama `Talaq' ini mengisahkan penderitaan seorang wanita India beragama Islam yang berasal dari Negara India yang bernama Nisha kerana diseksa secara kejam oleh suaminya Samsudeen, rakyat Singapura. Dia telah dibawa ke Singapura sesudah perkahwinannya. Samsudeen dilukiskan sebagai seorang suami yang tidak bertanggungjawab, curang, buas, ganas dan telah menjalin

¹⁵ Di Singapura, setiap pementasan seni perlu mendapatkan lesen dari Unit Perlesenan Hiburan Awam (the Public Entertainment Licensing Unit-PELU), Kementerian Ehwat Dalam Negeri.

¹⁶ `Dipentaskan sebanyak 3 kali dalam bahasa Tamil, pada 24 Dis 1998 di SPH Auditorium, Young Musician's Society; 21 Februari 1999 dan 28 Februari 1999 di Drama Centre. Drama bahasa Tamil diterbitkan oleh Sarinigar, Sri Lanka, April/Mei 1999; dan dalam bahasa Inggeris oleh Seagull Theatre Quarterly of Calcutta, India, September 1999. Edisi dalam dwibahasa (InggerisTamil) terbit pada Jan 1999 dan dipasarkan oleh Select Books, Singapura.

hubungan dengan seorang wanita Hindu. Keadaan Nisha bertambah malang kerana dia bukan sahaja tidak mendapat simpati dan bantuan keluarga suaminya, malah seluruh anggota keluarga suaminya telah berkomplot menyalahinya. Mereka menyokong tindakan lelaki tersebut untuk mengeksploitasi hak menjatuhkan talaq terhadap isterinya. Akibat penderitaan yang dialaminya dan kerana kecewa dengan tindakan suami dan keluarganya itu, Nisha pun berubah dan di akhir cerita, dia telah menanggalkan pakaian 'purdah' yang dipakainya selama ini. Drama ini dikatakan telah ditulis berdasarkan kisah hidup sebenar ramai wanita India yang beragama Islam di Singapura dan fenomena ini dihasilkan untuk menyuarakan penderitaan dan 'membela' nasib mereka:

" Talaq (divorce) is based on true life experiences of voiceless" Indian (Tamil) Muslim women divorcees in Singapore. It explores the issues of oppression and culture of silence forced upon these women by their kith and kin, dominant males and community, through the monologue journey of a victim"¹⁷

Oleh sebab pementasan pertama dalam bahasa Tamil telah mendapat bantahan daripada beberapa pihak seperti Persekutuan India/Islam Singapura (SIJU) dan orang perseorangan, pihak PELU telah menghubungi pihak NAC untuk mendapatkan penilaiannya sebelum membuat keputusan untuk memberikan lesen pementasan. Sebenarnya, NAC mempunyai sebuah Jawatankuasa Penilaian Drama (Drama Review Committee) khas yang terdiri daripada tokoh seni dan pakar akademik yang mewakili pelbagai bahasa dan budaya di Singapura. Setiap skrip yang dianggap sensitif akan diteliti oleh jawatankuasa ini dan mereka akan membuat penilaian dan saranan kepada pihak NAC, berdasarkan sebuah garis panduan khas. Drama 'Talaq' bukan sahaja telah dinilai skripnya malah sebuah 'preview' telah diadakan untuk

¹⁷ Lihat "Introduction" drama Talaq.

membantu pihak Jawatankuasa dan wakil-wakil dari Majlis Agama Islam Singapura membuat saranan masing-masing. Penilaian atau saranan NAC dan MUIS telah ditimbangkan oleh PELU untuk membuat keputusan menolak permohonan mendapatkan lesen pementasan drama tersebut.¹⁸ Menurut PELU, pihak NAC telah menyarankan agar drama tersebut membuat beberapa perubahan atau tertakluk kepada beberapa syarat untuk mendapatkan keizinan pementasannya, tetapi pihak MUIS telah menolak dengan tegas pementasan itu (Berita Harian, 15 November 2001).

Pembatalan tersebut tentu sekali tidak disenangi oleh beberapa pihak, khususnya golongan penulis dan seniman muda yang menganggap tindakan tersebut menyekat kebebasan mereka bersuara dan berkreatif. Sekumpulan penulis atau artis Singapura telah menyatakan bantahan mereka terhadap keputusan tersebut dan beberapa tapisan (censorship) yang dilakukan terhadap karya atau persembahan seni. Mereka telah menganjurkan suatu hari yang dinamakan 'No Art Day' (NAD) pada 29 Disember 2000, atau 'Hari Tanpa Seni'. Pada hari tersebut digalakkan supaya orang ramai jangan melakukan sebarang aktiviti bercorak seni sebagai pernyataan protes, walaupun akhirnya ternyata tindakan mereka gagal kerana tidak mendapat sambutan.¹⁹

Perhatian masyarakat yang besar terhadap drama ini telah mendorong isu pembatalan ini dibawa dan dibincangkan pada Sidang Parlimen Singapura dan Menteri Negara (Undang-Undang), Profesor Ho Peng Kee telah menjelaskan mengapa tindakan itu telah diambil:

¹⁸ Lihat rencana "Arts Council respects decision to call off play", Straits Times, Sabtu, 28 Oktober 2000.

¹⁹ Lihat rencana Clarissa Oon, "Arts ban: Call in and be heard", Straits Times, Isnin, 18 Disember 2000, hlm. L3; rencana Leong Weng Kam, "Wrong Art Day, Spoiling A Celebration", Straits Times, Khamis, 28 Disember 2000, hlm. L4; dan Clarissa Oon, "Why A Worthy Cause Failed", Straits Times, Isnin, 1 Januari 2001, hlm. L3.

"... 11 sebab tertentu telah diberikan di mana satu pandangan dibuat kerana terdapat beberapa rujukan kepada ayat-ayat al-Qur'an dan andaian agama yang memberi tanggapan yang salah terhadap Islam... Oleh kerana pementasan itu diadakan dalam bahasa Tamil, Melayu dan Inggeris, tidak seperti pertunjukan drama awal hanya dalam bahasa Tamil, kemungkinan penontonnya terbatas, sedangkan sekarang ini kita mempunyai penonton yang lebih luas. Ini akan menyebabkan kemungkinan masyarakat bangsa lain mempunyai pandangan yang salah terhadap Islam, mungkin beranggapan rendah terhadap Islam daripada apa yang sebenarnya dan ini mungkin akan membawa kepada salah faham di kalangan kaum-kaum di sini". (*Berita Harian*, 15 November 2000).

Beliau juga menekankan bahawa Singapura memang menggalakkan kreativiti dan kesenian, "Tetapi kerja-kerja seni mesti menghormati kepekaan agama dalam masyarakat berbilang kaum dan agama Singapura. Seniman harus prihatin pada keadaan sosial sebenar kita dan menjauhi ketegangan kaum dan agama.... Ini penting kerana mereka juga mempunyai peranan untuk membantu mengekalkan keharmonian bangsa dan agama di Singapura". (*Berita Harian*, 15 November 2001).

Kes drama `Talaq' ini memang menarik dan mempunyai nilai pengajaran pada golongan seniman di Singapura. Ia merupakan suatu peringatan yang sesuai untuk menyedarkan mereka sejauh mana ruang dan garis sempadan kebebasan seni mereka dalam konteks masyarakat berbilang bangsa dan agama. Seperti yang dinyatakan oleh editor akhbar *Straits Times*, Singapura:

"It is timely reminder that artistic experimentation ends where race and religious sensitivities begin". (Straits Times, 2 November 2000).

Drama Muzika `Rent' - Bukan Rentak Pilihan

Drama muzika `Rent' oleh Jonathan Larson merupakan sebuah `Rock Opera'. Ia merakamkan impian dan kehidupan sekumpulan anak muda di kota New

York pada tahun 90-an atau penghujung alaf lalu. Drama ini mulanya dipersembahkan di New York oleh 'New York Theatre Workshop' dan juga di Broadway. Kumpulan anak muda 'bohemian' ini begitu cenderung pada seni tetapi mereka menghadapi bermacam-macam krisis emosi, psikologi, ekonomi, hubungan keluarga dan seks. Persoalan hubungan seks sejenis dan seks bebas yang kompleks merupakan tema utamanya dan penulis atau penggubahnya memperlihatkan rasa simpati yang mendalam terhadap golongan homoseksual, raju pondan (*drag queen*) dan wanita lesbian dan masalah berkaitan yang mereka hadapi seperti masalah penyakit AIDS, dadah, diskriminasi sosial, keterasingan, dan sebagainya. Penulis memberikan sokongan atau pembelaan emosi terhadap golongan ini dan telah mengkritik golongan pemimpin agama dan masyarakat yang tidak mempedulikan nasib dan tragedi dalam hidup mereka. Terdapat juga unsur-unsur dalam dialog dan beberapa adegan seks yang agak panas, dan tidak sesuai untuk tontonan khalayak umum, khususnya kanak-kanak. Tarikan drama ini bukan saja disebabkan oleh temanya yang kontemporari, iaitu realiti hidup anak muda di Amerika kini, tetapi lebih kepada gubahan muzik, nyanyian atau persembahan seninya yang memang bermutu sehingga telah mendapat sambutan hangat di Barat. Pada tahun 1996, muzika ini telah menggondol semua anugerah teater di Amerika, antaranya ialah 'Tony Award' sebanyak empat kali, sebagai Muzika Terbaik Broadway dan "Pulitzer Prize" dan "Best American Drama".

Drama ini telah dipersembahkan di Singapura oleh 'Singapore Repertory Theatre'. Pementasan di Singapura berlangsung dari 10 Februari hingga 3 Mac 2001 di Panggung Victoria.²⁰ Sekali lagi pihak NAC perlu membuat penilaian dan keputusan tegas mengenainya. Atas nasihat Jawatankuasa Penilai Drama, NAC memutuskan untuk menggolongkan drama ini sebagai R(A) 18, iaitu hanya boleh

²⁰ Pementasan di Singapura mulanya dijangkakan berlangsung dari 10-20 Februari 2001, tetapi telah dilanjutkan lagi sehingga 3 Mac 2001. Ia diarahkan oleh Bobby Garcia dan para pelakornya terdiri daripada 16 orang artis dari Filipina dan Singapura. Penulis berpeluang menontonnya pada 17 Febraari 2001.

ditonton oleh khalayak yang berusia 18 tahun ke atas,²¹ dan permohonan penganjur drama untuk mendapatkan bantuan kewangan telah ditolak. Ini kerana NAC merasakan yang dana awam tidak boleh digunakan untuk membiayai drama yang temanya menganjurkan suatu cara hidup pilihan lain sebagai sesuatu yang boleh diterima oleh masyarakat:

... unable to provide public funds for a play which contains alternative lifestyles as an accepted way of life". (Straits Times, 9 Feb. 2001).

Berbanding dengan `Talaq', drama `Rent' mendapat izin untuk dipersembahkan, tetapi kepada khalayak yang terbatas atau dewasa sahaja. Drama ini juga tidak mendapat sokongan kewangan daripada NAC dan oleh Stasiun Radio Power 98 yang menjadi stesen radio rasminya. Menurut Panduan Perbadanan Penyiaran Singapura (Singapore Broadcasting Authority), stesen radio tidak dibenarkan membuat sebarang promosi untuk persembahan atau filem R(A)²² Sebagai badan induk pemerintah atau media awam, NAC mahupun SBA perlu memastikan yang nilai-nilai hidup masyarakat yang murni dan selama ini diterima umum perlulah dilindungi atau dijaga dan tidak wajar diancam oleh nilai-nilai dan cara hidup baru yang masih dipersoalkan dan diragui oleh masyarakat, biarpun nilai kesenian memang digalakkan dan mahu dicapai olehnya.²³

Itulah garisan sempadan seni di Singapura (*out of bound marker*) yang terlukis di atas bancuhan pelbagai calitan warna warni budaya, daripada sumber dalam negara dan merata dunia akibat sentuhan globalisasi yang ligat berputar di buminya. Garisan ini masih bersifat panduan dan masih perlu terus dibangunkan dan diuji terus sebelum menjadi sebuah benteng pertahanan yang

²¹ Sebelum keputusan NAC diumumkan, SRT dalam risalah publisitinya hanya mencatatkan sebuah peringatan bahawa muzika ini hanya untuk khalayak yang matang sahaja ("*Warning For Mature Audiences*").

²² Keputusan NAC ini juga tidak disenangi oleh beberapa pihak. Lihat Clarrissa Oon, "No Power for Rent", *Straits Times*, 9 Februari 2001.

kukuh, dan bersifat sejagat. Garisan sempadan ini masih dalam proses penerokaan dan pembinaannya sesuai dengan usia pembangunan atau tamadun negara ini. Ini hanya setitik pengalaman dan secalit garisan daripada atas permukaan dunia yang luas. Setiap masyarakat dan negara perlu membina benteng dirinya yang tersendiri, yang terdiri daripada pelbagai unsur kekuatan ilmu, akal, jiwa, rohani, nilai, dan falsafah hidup; dan formula pertahanannya mungkin berbeza mengikut sistem nilai, cita budaya dan wawasan negara tersebut. Dalam proses pembinaan itu pula, setiap masyarakat dan negara perlu mengetahui dan mempelajari cara atau strategi masyarakat dan negara lain membina peradaban, jati diri dan citra antarabangsa mereka. Ternyata, globalisasi menyediakan saluran dan kesempatan untuk proses ini.

Sebuah Landskap Indah

Sejarah tamadun atau peradaban manusia sendiri sudah membuktikan bahawa sastera mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam pembinaan peradaban, tidak kira yang lama ataupun baru. Ini hakikat sejarah yang tidak dapat dipertikaikan, malah arus dan pusaran peradaban baru yang pantas dan bergelora menambah lagi kegentingannya, menimbulkan desakan baru untuk para bahasawan dan sasterawan merenung, menilai semula, mencari maksud dan kesan di sebalik arus hidup dan rahsia peradaban dan kewujudannya. Peradaban baru mungkin sedang menghakis sempadan fizikal, politik dan budaya yang sedia ada, dan sedang memeta dunia maya dan dunia nyata yang baru tanpa garis-garis sempadan yang jelas kelihatan. Suasana dan keperluan peradaban baru mungkin memerlukan manusia meneroka, berdepan dan bertembung dengan segala unsur dan nilai baru yang terbentuk hasil pengguguran tebing lama dan peluasan sempadan baru. Dunia tanpa sempadan ini kelihatan dan terasa amat terbuka pada segala kemungkinan, akibatnya manusia dan kemanusiaannya menjadi begitu rapuh pada segala macam

²³ Namun begitu drama ini telah mendapat tajaan beberapa Korporat seperti DBS, Far East Organisation, International Herald Tribune, MobileOne (Asia) Pte Ltd., Performance Motors Ltd., Exxon Mobil Singapore Pte.Ltd. dan Nokia Pte. Ltd.

ancaman kehidupan itu sendiri, termasuklah penghakisan ruang dan jati diri sesebuah bangsa, masyarakat, mahupun negara akibat ditelan oleh kuasa baru yang lebih gagah sebagai bentuk penjajahan budaya, ekonomi dan politik yang baru.

Sesungguhnya, manusia perlu melindungi nilai-nilai dan tradisi hidup yang baik dan mulia yang telah dibangunkan sebegitu lama, hasil evolusi budaya dalam ruang tamadunnya sendiri sejak awal lagi. Oleh itu, sebuah benteng pertahanan baru perlu dibina pada sepanjang sungai peradabannya untuk melindungi diri daripada hakisan arus penongkah baru. Benteng diri yang kukuh ini seharusnya boleh menjamin penakatannya dan pencapaiannya sebagai manusia bertamadun tinggi dan berperadaban mulia, lengkap dengan `kebaikan' dan `keindahan' manusiawinya. Malah, kewujudan benteng seni ini harus menjadi bahagian yang utuh sepanjang aliran sungai peradaban baru itu, sebagai pelengkap sebuah lanskap kehidupan insan yang padu lagi indah; maka terlukislah rahsia Pencipta atau Seniman Agungnya. Insya-Allah.

Rujukan

- A. Aziz Deraman, 1992. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.
- Braginsky, VI., 1984. "Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik dan Penilaiannya" dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi, *Tamadun Melayu* Jilid 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1694 - 1722.
- De Rider & Deonna. [t.th] *Art in Greece*. [t.t]: [t.p].
- Gibson, A.Boyce. [t.th] *Muse and Thinkers*. [t.t]: [t.p]
- Hadijah Rahmat, 1996. "The Concept of `The Modern' or "Moderriniy in Literature: The Western and Eastern Perspectives" dlm. *Tenggara* 38,105 -133.

Hadijah Rahmat, 1998. *Sastera dan Manusia Melayu Baru*. Singapura: Persatuan Wartawan Hadijah Rahmat. 2001. "Patah Tumbuh Hilang Belum Berganti (Singapura Sebagai Kota Kebangkitan Seni)". [akan terbit].

Hashim Awang, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan, [eds.], 1998. *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*. : Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Rahmat, 2000. "Mengukir Air di Pesisir" (Sastera Melayu dalam Arus Jagat), kertas kerja Dialog Selatan III, Anjuran ASAS 50, 10 - 11 November 2000, di Masjid Sultan, Singapura.

Majlis Bahasa Melayu Singapura,1996. *Cenderamata Bulan Bahasa 1996*.

Majlis Bahasa Melayu Singapura,1998. *Cenderamata Bulan Bahasa 1998*.
Mustafa Haji Daud. 1994. *Kesusasteraan dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

National Arts Council, Singapura, 1999. *Reviews- National Arts Council Annual Report 1997 - 98*.

Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi, 1989, 1993, 1995. *Tamadun Melayu, Jilid 1- 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Plekhanov, [t.th] *Arts and Social Life*. [t.t] : [t.p].

Rahman Shaari, 1988. *Kritikan Sastera Melayu-Pendekatan dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shafie Abu Bakar, 1984. "Falsafah Pemikiran Melayu Ditinjau dari Perkembangan Bahasa dan Sasteranya" dlm. *Bahasa dan Sastera Nusantara-Sejarah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 161-179.

Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad & Johan Jaaffar, 1981. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sapardi Djoko Damono, 1999. *Politik Ideologi dan Sastera Hibrida*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

Suratman Markasan, 1984. "Peranan Angkatan Sasterawan 'S0 dalam Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dan Sastera Melayu di Singapura" dalam *Bahasa dan Sastera Nusantara: Sejarah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 102 - 122.

Suratman Markasan, 2001. *70 Tahun Suratman Markasan*. Singapura: Toko Buku Haji Hashim.

The Wordsworth Dictionary of Biography, 1994. [t.t]: Wordsworth Edition Ltd.

Akhbar

"Arts Council Respects Decision to Call Off Play", 2000. *Straits rimes*, Sabtu, 28 Oktober, hlm. 57.

Berita Harian, 2000. "MHA Perjelas Sebab `Talaq' tidak dilulus". Rabu, 15 November 2000 (18 Syaaban 1421), hlm. 6.

"Borderless Trap", 2001, *Straits Times*, 20 Februari, "Asia Section", A1. Clarrisa Oon, 2000. "Arts Abstinence, Arts Ban: Call in and Be Heard". *Straits Times*, Isnin, 18 Disember, 2001, L3.

Clarissa Oon, 2001. "No Art Day - Why A Worthy Cause Failed", *Straits Times*, Isnin, 1 Januari 2001, L3.

Clarissa Oon, 2001. "Funding Freeze-No Money For Rent". *Straits Times*, Rabu, 7 Februari, L7

Clarissa Oon, 2001. "R (A) Play-No Power for Rent". *Straits rimes*, 9 Februari, L3.

"No Child's Play", 2000 *Straits Times*, Khamis, 2 November, hlm. 46.

Leong Weng Kam, 2000. "Wrong Art Day-Spoiling A Celebration". *Straits Times*, 28 Disember, L4.